

# DEIR YASSIN

## PROTOTAIP PEMBASMIAN ETNIK



DR. 'ABD AL-WAHHĀB AL-MASĪRĪ

Diterjemahkan Oleh:  
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



اتحاد بنوك إسلام  
ABIM

GLOBAL PEACE  
MISSION  
 Malaysia

Terbit edisi e-buku, Mei 2022  
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul Asal: *Dīr Yāsīn wa Namādhij al-Taṭ-bīr al-‘Irqī*  
Pengarang: Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī  
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail  
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail  
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiah Azizan  
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)  
No. 6, Jalan TC 2A/2,  
Taman Cemerlang  
53100 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500  
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299  
No.Faks: +603-4108 2400  
Emel: abimpressmy@gmail.com  
Laman Sesawang: www.abimpress.com  
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun  
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di  
halaman FB Abim Press:



# MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat kepada karya Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī dengan judul asalnya “*Dīr Yāsīn wa Namādhij al-Taṭ-hīr al-‘Irqī*” yang kita terjemahkan *Deir Yassin: Prototaip Pembasmian Etnik*.

Di dalam karya ringkas dan penting ini, Dr. al-Masīrī membawa kita meninjau aspek sejarah peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Deir Yassin, dan memperlihatkan kepada kita tentang bagaimana zionis begitu bersungguh-sungguh menyembunyikan atau *water-*

*down* keganasan yang telah berlaku di tangan mereka. Peristiwa Deir Yassin 9.4.1948 merupakan bibit-bibit awal yang sebenarnya telah dirancang pada Mac 1948, dan akhirnya berkemuncak pada Mei 1948: pengganyangan dan pengusiran beramai-ramai rakyat Palestin majoriti muslim daripada tanah air mereka. Mustahil bagi sesiapa yang meneliti sejarah untuk menafikan wujudnya pelan teratur dan sistematik dalam gerakan ketenteraan zionis ini. Di akhir karya ini, al-Masīrī mengingatkan bahawa yang berlaku sebenarnya ialah pembasmian etnik; sebuah analisis yang puluhan tahun telah mendahului analisis *Amnesty International* yang baru-baru ini, Februari 2022 mengakui bahawa israel merupakan sebuah negara haram aparteid.

Karya al-Masīrī ini amat penting dikeutarakan, khususnya sebagai *counter* kepada dakwaan yang dilakukan Eliezer Tauber, seorang sarjana israel yang menafikan secara total peristiwa pembunuhan Deir Yassin ini di dalam bukunya, *The Massacre That Never Was: The Myth of Deir Yassin and the Creation of the Palestinian Refugee Problem* (2021). Begitu juga pada 2018, dia telah menulis sebuah makalah ringkas menyatakan pandangannya tentang Deir Yassin di dalam laman Times of israel, “*Deir Yassin: There was no massacre.*”<sup>1</sup> Dia menuduh bahawa pembunuhan Deir Yassin semata-mata propaganda Arab untuk mendapatkan sokongan dunia. Penyelewengan sejarah ini wajib diperbetulkan.

---

1 Pautan: <https://blogs.timesofisrael.com/deir-yassin-the-end-of-a-myth/> (akses terakhir: 4.3.2022)

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarikan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qurʿān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

1 Syaaban 1443H / 4 Mac 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah



(Seorang ayah memeluk jasad anaknya yang tak bernyawa, salah seorang korban pembunuhan zionis di Deir Yassin)

# DEIR YASSIN: Prototaip Pembasmian Etnik




Peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Deir Yassin dan terorisme serta keganasan yang berlaku di situ merupakan salah satu wasilah yang diambil oleh organisasi-organisasi zionis yang lengkap bersenjata untuk menguasai situasi semasa di Palestin. Begitu juga, ia bertujuan sekaligus sebagai cara pembasmian etnik, sebagai langkah pertama kepada pengagasan sebuah negara yahudi yang murni, sepertimana yang dinyatakan jelas dalam Pelan Dalet.<sup>2</sup>

---

2 Pelan Dalet (dalam Ibrani: *Tokbnit Dalet*) merujuk kepada sebuah perancangan yang diatur oleh Haganah, kumpulan paramilitari yahudi terbesar di Palestin pada tahun 1948. Di antara objektif pelan ini ialah untuk mengisytiharkan penubuhan negara zionis dan merampas kawasan-kawasan yang dimiliki muslimin.

Perkampungan Deir Yassin terletak dalam beberapa kilometer daripada al-Quds, di sebuah dataran tinggi yang menjadi titik tengah antaranya (al-Quds) dan Tel Aviv (Jaffa). Ketika itu, kawasan al-Quds terdedah kepada serangan yang bertubi-tubi (daripada zionis). Orang Arab di bawah pimpinan perwira Palestin ‘Abd al-Qādir al-Ḥusaynī telah berjaya di dalam beberapa pertempurannya. Atas sebab ini, yahudi (zionis) amat memerlukan sebuah kemenangan, seperti yang dikatakan salah seorang pemimpin mereka, “(sebuah kemenangan) untuk mematahkan semangat Arab, dan meninggikan semangat kaum Yahudi.”



(Peta al-Quds yang menunjukkan kedudukan Deir Yassin)





(‘Abd al-Qadir al-Ḥusaynī, wira Palestin)

Deir Yassin merupakan mangsa termudah bagi tentera Irgun.<sup>3</sup> Tambahan kepada ini, para pasukan tentera zionis memerlukan sebuah kawasan lapangan terbang untuk kegunaan penduduk al-Quds. Serta serangan, pembunuhan beramai-ramai, dan pemakluman berkenaan pembunuhan ini merupakan salah satu daripada rencana am yahudi untuk mengosongkan Palestin daripada penduduk asalnya melalui cara pembasmian dan pengusiran. Perkampungan (Deir Yassin) yang kecil ini didiami sekitar 400 orang penduduk, di mana mereka mencari kehidupan dengan berniaga dengan kampung-kampung di sekitarnya. Mereka hanya memiliki

---

3 Irgun merupakan salah satu organisasi paramilitari zionis yang beroperasi di Palestin antara 1931 hinggalah 1948. Ia juga dikenali dengan nama ‘Etzel’ atau ringkasan ‘IZL’, dan merupakan pecahan daripada organisasi paramilitari Haganah. Anggota Irgun diserap ke dalam Haganah bermula 1948 seraya perang Arab-Israel.

senjata-senjata lama yang telah digunakan pada Perang Dunia Pertama.

Pada awal pagi hari 9 April 1948, pasukan Irgun masuk menyerang timur dan selatan kampung ini. Sementara pasukan Stern<sup>4</sup> masuk menyerang daripada utara. Mereka mengepung keseluruhan kawasan kampung melainkan kawasan baratnya; serangan hendap yang mengejutkan penduduknya yang masih dibuai lena. Pada awalnya, serangan ini mendapat penentangannya (daripada penduduk Deir Yassin), yang mengakibatkan kematian empat askar zionis dan empat puluh yang lain cedera. Ia sepertimana yang dikisahkan oleh seorang penulis Perancis Patrick Mercier, “Para penyerang belum pernah lagi berdepan dengan berperangan sebegini. Lebih mudah buat mereka untuk melemparkan bom di tengah pasar yang sesak berbanding daripada menyerang sebuah kampung yang membela dirinya sendiri.. Atas sebab ini, mereka tidak mampu untuk bergerak maju selangkahpun di dalam perang yang dahsyat ini.”

Untuk mendepani kebangkitan penduduk kampung, para penyerang meminta bantuan daripada pasukan Palmach – sebuah gerakan sosialis kiri! – yang berpangkalan di salah sebuah kem tentera berhampiran al-Quds. Bantuan diberikan dengan membedil kampung (Deir Yassin) menggunakan

---

4 Stern merupakan salah satu organisasi paramilitari zionis yang ekstrem, merupakan pecahan daripada Irgun. Ia juga dikenali dengan nama ‘*Stern Gang*’ atau ‘*Lebi*’, mereka menggunakan keganasan dalam operasi-operasi mereka, dan membantu memberikan penempatan haram kepada yahudi di Palestin.

mortar dengan tujuan untuk mempermudah objektif para penyerang. Ketikamana tengahari menjelang, sebarang penentangan daripada (penduduk) kampung itu berjaya didiamkan. Pasukan Irgun dan Stern akhirnya mengambil keputusan –seperti dikhabarkan oleh Mercier – “Menggunakan satu-satunya cara yang mereka amat mahiri: menggunakan bom dinamit. Demikianlah mereka menawan kampung ini dengan mengebom rumah demi rumah. Apabila bom telah habis di tangan mereka, mereka berusaha pula untuk mem‘bersih’kan kawasan itu daripada sebarang kemungkinan penentangan dengan menggunakan bom dan *machine gun*; mereka menembak sesiapa saja yang didapati bergerak di dalam rumah, sama ada lelaki, perempuan, kanak-kanak mahupun orang tua.”

Mereka (menahan dan) memerintahkan puluhan penduduk kampung berdiri menghadap dinding dan melepaskan tembakan kepada mereka. Kerja-kerja pembunuhan ini berterusan selama dua hari. Pasukan zionis melakukan penghinaan yang begitu sadis – penyeksaan, pencabulan, memotong anggota badan, menyembelih ibu-ibu mengandung dan bertaruh meneka jenis-jenis janin. Sebanyak lima puluh tiga kanak-kanak hidup dilempar di dinding-dinding *Old City* (kota lama) al-Quds. Sebanyak dua puluh lima orang lelaki hidup pula diheret menaiki bas-bas lalu dibawa mengelilingi al-Quds; sebuah simbolik kemenangan seperti kebiasaan para tentera Rom dahulukala; kemudiannya mereka ini dibunuh dengan tembakan bertubi-tubi. Mayat-mayat (penduduk Deir Yassin) dibuang di perigi kampung itu dan lubang perigi itu ditutup dengan

ketat sekali dengan tujuan untuk menyembunyikan bukti jenayah. Seperti dikatakan Mercier, “Di dalam beberapa minit sahaja, berdepan dengan penentangan yang tak pernah dialami mereka, para belia dan beliawanis Irgun dan Stern berubah menjadi tukang sembelih. Mereka membunuh dengan kejam dan tanpa berhati perut, serta teratur pula, sepertimana yang pernah dilakukan oleh tentera nazi.”



(Syuhada' Deir Yassin)

Pasukan tentera zionis menghalang wakil rasmi *Red Cross* (ke Palestin) Jacques De Reynier untuk masuk ke dalam kawasan kampung itu selama berhari-hari lamanya. Ketika itu juga, wakil daripada Haganah yang turut serta dalam menawan kampung itu mengumpulkan mayat-mayat yang ada dan mengebomnya hingga berkecai dengan tujuan untuk mengaburi pandangan wakil-wakil organisasi antarabangsa (yang ada di situ) dan memberitahu bahawa mangsa-mangsa

ini kesemuanya terbunuh di dalam konfrontasi bersenjata (yakni bukannya ditawan lalu dibunuh). Hanyasanya sesudah itu pihak *Red Cross* menemui mayat-mayat yang disembunyikan di dalam perigi.

\*\*\*

Reaksi daripada organisasi-organisasi zionis selepas pembunuhan beramai-ramai ini didapati berbeza-beza. Menachem Begin<sup>5</sup> mengirim sebuah telegram mengucapkan tahniah kepada Raanan (Raanan Mordechai), salah seorang pemimpin Irgun lokal (yang terlibat di Deir Yassin), dan berkata di dalam telegram itu, “Ucapan tahniah daripadaku buat kamu semua atas kemenangan hebat ini. Katakan kepada tenteramu bahawa mereka telah mencipta sejarah untuk israel.” Di dalam bukunya yang berjudul ‘*The Revolt*,’ Begin berkata, “Pembunuhan Deir Yassin dan pembunuhan-pembunuhan yang lainnya telah menyumbang kepada pengosongan kawasan (Palestin) daripada enam ratus lima puluh ribu orang Arab.” Dia menambah lagi dengan berkata, “Kalaulah bukan kerana (pembunuhan) Deir Yassin, israel mustahil dibina.”

Sementara sebahagian pemimpin zionis berusaha untuk menafikan tanggungjawab ke atas pembunuhan ini. David Shaltiel, pemimpin pasukan Haganah di al-Quds pada ketika itu, menyifatkannya (pembunuhan itu) sebagai ‘penghinaan kepada keamanan yahudi.’ Tindakan (pembunuhan) itu

---

5 Menachim Begin merupakan antara dalang yang terlibat di dalam meraikan pembunuhan-pembunuhan rakyat Palestin. Dia akhirnya dilantik sebagai perdana menteri keenam negara haram israel.

dikecam juga oleh Chaim Weizmann dan disifatkannya sebagai kerja teroris yang tidak layak bagi zionis. *Jewish Agency for Israel* berulang kali menentang pembunuhan ini. Dakwaan zionis dibuat atas alasan kononnya pembunuhan ini merupakan perkara yang dikecualikan dan bukannya perjuangan asas mereka, dan kononnya pembunuhan ini dilakukan tanpa sebarang campur tangan pimpinan zionis bahkan kononnya ia bertentangan dengan kemahuan mereka. Hanyasanya pada tahun-tahun berikutnya, topeng mereka terbuka; wujudnya bukti-bukti yang jelas menandakan bahawa kesemua organisasi zionis bekerjasama dalam melaksanakan pembunuhan ini dan pembunuhan-pembunuhan selainnya, sama ada melalui arahan, atau kerjasama langsung, atau memberikan bantuan politik dan maknawi.

Menachim Begin di dalam bukunya *The Revolt* mengatakan bahawa penawanan Deir Yassin merupakan salah satu langkah daripada pelan besar (penawanan Palestin), dan operasi ini dilaksanakan dengan pengetahuan Haganah, "...Dengan persetujuan pemimpinnya – Ben Gurion.' Penawanan Deir Yassin dinilai sebagai salah satu daripada pelan umum (zionis) meskipun wujudnya kemarahan-kemarahan yang dizahirkan oleh para petugas *Jewish Agency for Israel* dan jurucakap zionis.

Ensiklopedia zionis dan israel yang dikarang oleh sarjana israel Raphael Patai menyatakan bahawa unit kerja zionis – unit eksekutif zionis – telah bersepakat pada Mac 1948 "pada rancangan-rancangan yang ditetapkan waktu-waktunya, di

mana ia akan membantu kepada kewujudan Irgun sebagai organisasi tersendiri. Akan tetapi, ia menjadikan seluruh rancangan Irgun tertakluk di bawah persetujuan daripada pimpinan Haganah.”



(Setem yang dikeluarkan Kerajaan Jordan dan Republik Algeria pada 1965, tanda solidariti dan kenangan kepada peristiwa pembunuhan Deir Yassin)

Meir Pail, seorang zionis sosialis pada 70-an lalu telah mengakui bahawa pembunuhan Deir Yassin merupakan sebahagian daripada perancangan am Pelan Dalet, di mana ia disetujui oleh kesemua organisasi zionis pada Mac 1948. Ia bertujuan untuk mengusir keseluruhan rakyat Palestin daripada bandar-bandar dan kampung-kampung Arab sebelum Britain mengangkat kakinya (daripada Palestin), dengan menggunakan cara pemusnahan, pembunuhan, dan menyebarkan ketakutan dalam kalangan rakyat Palestin; hal ini yang mendorong mereka untuk meninggalkan kediaman mereka. Oleh kerana itu, tidak dihairankan, dalam tempoh tiga hari selepas peristiwa pembunuhan ini, kampung Deir

Yassin diserahkan kepada Haganah untuk dijadikan sebagai lapangan terbang.

\*\*\*

Walau bagaimanapun situasinya, maka yang kekal sabit ialah pembunuhan Deir Yassin dan pembunuhan-pembunuhan lain yang serupa dengannya bukanlah semata-mata kejadian yang bersifat tersendiri dan berkecuali, bahkan ia merupakan bahagian asas daripada sebuah rencana yang kekal dan berkesinambungan. Ia mencerminkan visi zionis berkenaan realiti semasa, sejarah, dan 'orang lain' (*other*), di mana keganasan dengan seluruh bentuknya yang pelbagai dijadikan sebagai wasilah untuk mengembalikan pembentukan jati diri yahudi, dan pemurniannya daripada ciri-ciri kebudakbudakan dan kepinggiran yang telah menebal di dalam dirinya sebagai natijah daripada peranan yang dimainkannya sebagai sebuah '*grup fungsi*.'<sup>6</sup> Begitu juga, ia (keganasan) itu menjadi alat untuk mengosongkan Palestin daripada penduduk asalnya, dan memberikan penempatan kepada pengikut zionis, demikian mengukuhkan lagi kewujudan negara yahudi murni. Ia juga akhirnya memungkinkan

---

6 *Al-Jamā'ah al-Wazīfiyah* atau saya terjemahkan sebagai grup fungsi (*functional group*) merupakan sebuah konsep yang khusus dalam pemikiran Dr. 'Abd al-Wahhāb al-Masīrī dalam analisisnya tentang yahudi dan zionis. Menurut beliau, yahudi merupakan grup fungsi kerana mereka hidup berdasarkan fungsi dan khidmat yang boleh diberikan kepada sesama mereka, dan kedudukan sesebuah individu di dalam masyarakat zionis ditentukan oleh fungsinya. Sekiranya kita menilik analisis ini lebih mendalam, kita akan memahami yang Irgun, Lehi, Haganah dan selainnya merupakan grup yang ditentukan nilainya berdasarkan fungsinya dalam pembinaan kerajaan haram zionis, dan keganasan tidak bermasalah menurut mereka asalkan ia berfungsi untuk menubuhkan kerajaan haram zionis.



wujudnya sebuah realiti kehidupan baru di Palestin yang mengasingkan segala unsur selain yahudi yang telah mencipta identiti dan sejarah kawasan ini.

Oleh kerana itu, amat cuailah kiranya kita membahaskan tentang Nakbah dan mengandaikan seakan-akan apa yang berlaku di Deir Yassin itu semata-mata peristiwa ‘tersendiri’ yang berlaku kerana peperangan yang tercetus antara dua pihak ini. Wajiblah untuk kita menamakan sesuatu itu sesuai dengan nama hakikinya. **Apa yang telah berlaku bukanlah semata-mata *nakbah* (malapetaka), tetapi pembasmian etnik yang berjaya dilaksanakan sesuai dengan perancangan yang teratur.**

Allāh Maha Mengetahui.

\*\*\*

Alḥamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karangan Dr. ‘Abd al-Wahhāb al-Masīrī ini, yang dijudulkan sebagai *Deir Yassin: Prototaip Pembasmian Etnik*, pada isyak 1 Syaaban 1443H, bersamaan Jumaat 4.3.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

